



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku


**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.


Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyi Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan



Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Inspirasi Dale Carnegie


Prof. Madya. Ir. Ts. Dr. Suzi Seroja Sarnin

Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Shah Alam

Aku seorang yang amat pemalu. Aku sentiasa mencari kekurangan diri dan tidak pernah mahu mencari apa kelebihan yang ada pada diriku.. Aku merasa diri paling tidak pandai, tidak cantik, tidak itu, tidak ini..... tidak bersyukur aku sebagai insan yang dilahirkan ke dunia ini dengan cukup sempurna. Perasaan sebegini yang menyebabkan aku terasing sedangkan aku antara pelajar yang mempunyai prestasi yang cukup baik. Peperiksaan SPM juga amat baik dan aku mendapat tawaran ke luar negara, namun terpaksa menolak tawaran tersebut kerana ibu yang menghalangku. Aku melanjutkan pelajaran di selatan tanah air dalam jurusan kejuruteraan elektrik. Di menara gading, aku cuba mencari solusi bagaimana untuk menjadi manusia yang tidak terlalu merendah diri, terlalu malu yang tidak kena tempat kerana aku faham sifat itu akan menyebabkan aku tertinggal di belakang. Aku cuba belajar daripada kawan serumah bagaimana untuk bergaul, aku cuba luaskan kelompok kawan-kawan. Aku mula ada kawan baik dan sahabat tempat bercerita. Sedikit demi sedikit sifat malu yang keterlaluan semakin berkurang. Alhamdulillah.

Selepas aku menamatkan pengajian, aku bekerja sebagai jurutera kualiti di sebuah kilang disket di Bandar Sunway. Sifat malu masih menebal. Aku tertanya di dalam hati, bagaimana caranya aku hendak memulakan perbualan, bagaimana aku hendak memulakan langkah untuk orang lain mahu berkawan denganku, apakah caranya membuatkan orang lain selesa denganku dan apakah ada cara untuk membuatkan orang suka bercakap denganku. Satu demi satu persoalan bermain di minda, namun kubiarkan sahaja tanpa jawapan.....

Hujung minggu kuluangkan masa ke kedai buku di pusat membeli belah Sunway Pyramid, sekadar mencari bahan bacaan untuk mengisi masa cuti hujung minggu. Tiba-tiba aku terpandang sebuah buku bertajuk 'How To Win Friends And Influence People' yang ditulis oleh Dale Carnegie. "Patutkah aku membeli buku ini?" bisikku. Selama ini aku ke kedai buku hanya mencari novel atau buku keagamaan sahaja. Tidak pernah sama sekali aku membeli buku motivasi untuk dijadikan bacaanku. Tanpa membuang masa aku mengambil buku tersebut dan membayarnya, maka inilah buku motivasi pertamaku. Tak sabar untuk membacanya. Sebelum meletakkan mata, aku mengambil buku yang baru kubeli tadi. Kutatap tajuk dan terdetik dalam hati " adakah buku ini merupakan titik tolak perubahan sikapku. Aku membaca buku ini dengan penuh minat. Helai demi helai muka surat ku selak, sehingga tidak sedar jam telah menunjukkan jam 3 pagi. Allahuakbar! Terlalu asyik aku membacanya sehingga aku tidak perasan yang aku telah hampir habis membaca buku tersebut. "Aku kena tidur ni, esok aku kena kerja" Lalu kututup dan kutandakan helaian terakhir yang aku baca. Ku cuba untuk meletakkan mata namun aku tidak berjaya. Aku mengambil keputusan untuk bercuti rehat sahaja keesokan harinya dan mengulang-ulang baca buku tersebut.



Gambar 1: Buku motivasi milik penulis

Setelah selesai sarapan, aku menyambung bacaanku yang terakhir malam tadi. Banyak sangat pengajaran yang boleh kuambil dan kujadikan pedoman dalam menjaga hubungan baik sesama manusia. Dalam buku tersebut, Carnegie menulis bahawa janganlah lokek memberikan senyuman manis yang penuh ikhlas kerana setiap senyuman mengandungi kekuatan yang luar biasa. Ia mampu menyembuhkan luka, meredakan kegelisahan, melegakan kesakitan dan mengubah seluruh suasana muram menjadi ceria. Senyuman merupakan penglipur lara yang dapat bercerita dan menggembirakan orang lain. Ketika seseorang tersenyum, ia mampu menghadirkan kehangatan kepada orang-orang di sekitarnya. Senyuman itu bisa menjadi kekuatan semangat bagi yang lelah, pelita dalam kegelapan, atau tanda persahabatan yang tumbuh tanpa batas. Senyuman menjadi inspirasi kerana di sebaliknya terdapat rasa kasih sayang, empati dan kepedulian yang bersifat universal. “Besarnya kesan senyuman seseorang dalam hubungan manusia”, detikku. Lalu aku memandang cermin dan belajar untuk senyum dan akan kuhadiah senyuman paling manis untuk orang-orang sekelilingku. Bila aku tersenyum di cermin, aku dapat rasakan aura ceria dan bahagia. Aku melihat wajahku lebih manis bila tersenyum... “perasan la tu” aku mengejek diriku sendiri.

Selain memfokuskan kepada senyuman, Carnegie menulis bahawa, mengingat nama orang apabila bertemu merupakan cara yang terbaik untuk menjadikan hubungan menjadi lebih hangat. Beliau menyatakan bahawa apabila mengingat dan menggunakan nama seseorang, ia menunjukkan bahawa kita menghargai dan menghormati kewujudan orang sekeliling. Penggunaan nama dalam perbualan boleh membantu membina keakraban dan mempercepatkan proses membina kepercayaan. Apabila nama dipanggil kita akan merasa selesa dan mesra kerana ia menunjukkan ada orang yang memberi perhatian dan berminat dengan kita. Mengingat nama membantu memperkuat hubungan sosial dengan membina asas interaksi yang lebih personal dan erat. Ia juga boleh membantu dalam jaringan sosial dan profesional dengan meninggalkan kesan yang baik kepada orang lain kerana penggunaan nama dalam komunikasi boleh menjadikan perbualan lebih langsung dan berkesan di mana mesej yang disampaikan difahami dengan lebih jelas tanpa kekeliruan. Manakala dalam konteks profesional, mengingat nama rakan sekerja boleh memudahkan kerjasama dan

kolaborasi. Ia mencerminkan profesionalisma dan boleh mempercepatkan proses membina hubungan kerja yang baik. Secara keseluruhannya, mengingati nama orang lain adalah satu kemahiran sosial yang penting dan berharga yang boleh membawa banyak manfaat dalam berbagai aspek kehidupan.

Carnegie menyatakan dalam tulisannya bahawa kita perlulah lebih banyak mendengar cerita orang lain berbanding dengan bercakap tentang diri sendiri ketika berbual. Kaedah yang dicadangkan oleh beliau ialah 75% mendengar dan 25% bercakap. Kaedah ini menunjukkan bahawa memberi peluang kepada orang lain untuk bercakap tentang minat mereka adalah perkara yang membuatkan diri kita disukai dan kawan akan bertambah dalam jangka masa yang singkat. Carnegie menjelaskan bahawa mendengar dengan penuh minat cerita orang lain membantu kita memahami perspektif dan perasaan mereka dan membangunkan empati, membina kepercayaan dan dapat memperkukuhkan hubungan yang lebih baik dan harmoni di mana kita akan dilihat sebagai bijak, berfikiran terbuka dan berorientasi kepada orang lain. Ini boleh meningkatkan reputasi dan imej diri kita dalam kalangan rakan dan kenalan. Aku setuju dengan pendapat penulis kerana apabila seseorang bercakap terlalu banyak tentang diri sendiri boleh dilihat sebagai egois atau tidak peka terhadap orang lain. Dengan mendengar, menunjukkan bahawa kita peduli tentang orang lain dan tidak hanya memikirkan diri sendiri. Secara keseluruhan, penulis berpendapat bahawa memberi perhatian dan mendengar minat orang lain adalah kunci untuk hubungan yang lebih baik, komunikasi yang lebih berkesan, dan pembangunan diri yang lebih holistik. Inilah rupanya kemahiran sosial yang perlu aku pelajari. Bersyukur aku kerana berpeluang membaca buku ini. Kuteruskan lagi membaca buku ini untuk mengaut sebanyak ilmu atau rahsia yang didedahkan oleh penulis.

Dalam helaian seterusnya penulis ada menjelaskan bahawa dalam perhubungan, jangan terlalu menyalahkan orang lain sebaliknya mudah mengakui kesilapan diri. Sikap ini akan menyebabkan perselisihan faham dapat dielakkan. Penulis menyatakan bahawa tiada apa-apa yang akan membantu menamatkan ketegangan atau perselisihan faham lebih daripada pengakuan dan permohonan maaf yang dilakukan. Aku sependapat dengan penulis di mana berhujah untuk menegakkan kebenaran boleh membawa beberapa kesan negatif antaranya merosakkan hubungan peribadi dan profesional, orang lain merasa tidak selesa atau terancam, kurang kemampuan untuk memahami perspektif lain, orang akan berhenti berkomunikasi dengan jujur dan menyebabkan stres yang boleh menjejaskan kesihatan mental dan kesejahteraan secara keseluruhan. Orang mungkin merasa kurang selesa untuk berkongsi idea atau bekerja sama jika mereka merasa idea mereka selalu dipertikaikan. Daripada pembacaan ini saya berpendapat bahawa untuk berhujah perlu memilih masa yang sesuai dan pastikan ia benar-benar penting.

Tanpa sedar aku telah sampai ke helaian yang terakhir. Kututup buku lalu menarik nafas dalam-dalam. Aku akan berusaha menjadi individu yang mempunyai skil komunikasi yang hebat untuk menjaga hubungan baik dalam keluarga dan kerjaya seterusnya menjadikan aku individu yang berjaya di dunia dan akhirat. Insyaallah.

Aku tetap melihat belakang untuk menilai semula dan merangka sejauh mana aku akan terus mendaki kejayaan. Menginjak ke usia 50 tahun, aku bersyukur kerana telah 23 tahun aku berkhidmat sebagai pensyarah di institut pengajian tinggi awam di Selangor. Aku berazam untuk melahirkan anak bangsa yang holistik, kerana itulah kejayaan sebenar dalam bidang pendidikan yang aku ceburi. TERIMA KASIH BUKU.



Gambar 2: Penulis diapit oleh pelajar-pelajar

Aku kini dapat mengawal perasaan malu yang keterlaluan. Aku terus melatih diriku untuk memantapkan kemahiran komunikasi. Seringkali aku menyampaikan perkongsian ilmu bersama graduan universiti yang memfokuskan tajuk kemahiran temuduga, resume dan komunikasi profesional. Perasaan malu yang keterlaluan sedikit demi sedikit hilang. Aku seringkali menerima jemputan dalam bual bicara di TV dan aku sangat yakin jika tiada proses yang kulalui aku tidak akan berubah begini.




Gambar 3: Jemputan dalam temubual di TV

Aku tidak lagi kekok dalam perbualan bersama rakan-rakan. Aku sentiasa belajar menjaga hubungan baik bersama rakan-rakan samada rakan sekolah rendah, menengah atau universiti. Mereka adalah sahabat yang menjadi kekuatan untuk berjaya.



Gambar 4: Penulis mengabadikan kenangan bersama rakan-rakan.

Dalam kerjaya sebagai pensyarah, aku aplikasikan pendekatan yang ditulis oleh Carnegie dalam proses memantapkan hubungan baik sesama rakan sekerja. Proses yang betul akan menghasilkan kejayaan yang diimpikan. Aku akan pastikan komunikasi yang jelas dan terbuka antara rakan sekerja. Ini membantu dalam menyelesaikan tugas dengan lebih efisien dan mengurangkan salah faham. Selain itu, arahan dan maklumat dapat disampaikan dengan jelas, mengurangkan kesilapan dan mengelakkan kerja berulang. Ini akan meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kerja. Dalam kerjaya, aku pastikan hubungan yang baik dengan rakan sekerja, bagi membina kepercayaan dan hormat dalam hubungan. Aku percaya bahawa kemahiran komunikasi yang baik membantu dalam mengurus dan menyelesaikan konflik secara konstruktif. Ia membantu mengurangkan ketegangan dan mencari penyelesaian yang dapat memuaskan hati semua pihak.



Gambar 5: Gambar kenangan penulis ketika konvokesyen PhD

Rahsia yang dikongsikan oleh Carnegie aku gunakan dalam menjaga keharmonian keluarga. Sebagai seorang yang bekerja aku akan pastikan masa khusus untuk berbual dengan ahli keluarga tanpa gangguan, seperti waktu makan malam atau masa rehat bersama. Ini memberikan peluang untuk berkongsi cerita dan perasaan. Tunjukkan bahawa aku benar-benar mendengar apabila ahli keluarga bercakap, tidak memotong percakapan mereka dan memberikan perhatian penuh. Aku mendengar dengan anggukan atau respon yang sesuai. Semasa berkumpul, aku galakkan ahli keluarga bercakap secara terbuka dan jujur tentang perasaan dan fikiran masing-masing. untuk membina kepercayaan dan memahami antara satu sama lain dengan lebih baik. Jika ada kesilapan dilakukan oleh ahli keluarga, aku cuba untuk tidak cepat menghukum atau mengkritik ahli keluarga. Cuba fahami perspektif mereka sebelum memberikan pendapat. Ini membantu mencipta suasana yang lebih menyokong dan memahami. Dalam memberi nasihat kepada anak-anak aku menggunakan bahasa tubuh yang terbuka dan ramah, seperti senyuman dan sentuhan lembut yang boleh memperkuat mesej lisan dan menunjukkan kasih sayang serta sokongan. Selain itu, pujian, galakan, tidak mengkritik dan menggunakan humor adalah teknik yang berkesan dalam membantu memperkuat hubungan bersama pasangan dan anak-anak. Dengan mengamalkan cara-cara ini, komunikasi dalam keluarga dapat diperbaiki, membina hubungan yang lebih kuat, penuh kasih sayang, dan saling memahami.



Gambar 6: Mengabdikan gambar kenangan ketika bersama keluarga tersayang

Akhirnya, dapat aku simpulkan, dalam apa sahaja jenis perhubungan, buatlah semua orang merasa penting dan dihargai. Senyuman yang ikhlas, mengingat nama orang, memuji orang, berusaha untuk mengetahui minat orang dan berbual dengan mesra membuatkan orang berasa penting. Itulah titik asas semua prinsip di atas. Jika anda membuat orang berasa penting, cara anda berjalan di seluruh dunia akan menjadi pengalaman yang lebih menyenangkan dan luar biasa. Tulisan Dale Carnegie begitu memberi inspirasi. Terima Kasih untuk inspirasi ini.



Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810